



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; BERPADA BICARA, LISAN DIJAGA



ISLAMIC SAVOIR-OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“BERPADA BICARA, LISAN DIJAGA”.1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَابِلِ: وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزَغُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُبِينًا. ¹
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
4	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
	قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾
5	Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.
6	Pada hari yang mulia ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk “BERPADA BICARA, LISAN DIJAGA”.

¹ Al- Isra' : 53



Lisan merupakan amanah besar yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada setiap insan. Ini kerana melalui lisan, kebenaran dapat ditegakkan, ilmu dapat disebarkan dan kebaikan dapat disampaikan kepada manusia. Lisan yang dijaga dengan baik menjadi sebab datangnya keberkatan dan rahmat Allah SWT. Manakala lisan yang tidak dikawal pula mampu menjerumuskan seseorang ke dalam dosa serta mencetuskan fitnah dan permusuhan dalam masyarakat.	7
Islam amat menitikberatkan adab dalam berbicara kerana setiap perkataan yang diungkapkan akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT. Justeru itu, Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW agar membimbing orang-orang beriman supaya sentiasa memilih perkataan yang baik, benar dan berhikmah dalam setiap percakapan. Ini kerana kata-kata yang buruk, kasar dan tidak terkawal boleh membuka ruang kepada syaitan untuk menimbulkan perselisihan, kebencian dan permusuhan sesama manusia.	8
Firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' ayat 53 yang telah dibacakan pada awal khutbah bermaksud: <i>“Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-Ku (yang beriman), “Hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik (kepada orang yang menentang kebenaran). Sesungguhnya syaitan itu menimbulkan perselisihan dalam kalangan mereka (yang beriman dan yang menentang). Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi manusia.”</i>	9
Sesungguhnya fitnah yang berpunca daripada lisan sangat besar bahayanya. Seseorang tidak akan terlepas daripada bahaya fitnah melainkan dengan memelihara lidahnya, sama ada dengan berkata perkara yang baik atau memilih untuk diam. Dalam hal ini,	10



Rasulullah SAW telah bersabda sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radiallahuanhu*:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

11

“Sesiapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, maka berkatalah perkataan yang baik atau diam sahaja.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

12

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menukilkan kalam Imam al-Syafi'i dalam kitab al-Azkar dengan menyebutkan bahawa:

“Apabila seseorang ingin bercakap sesuatu, hendaklah dia berfikir terlebih dahulu sebelum berkata-kata. Jika dia melihat ada kebaikan pada percakapannya, maka bercakaplah. Akan tetapi, jika dia ragu-ragu, maka janganlah dia bercakap sehingga jelas bahawa percakapannya itu membawa kebaikan.”

13

Orang yang sempurna imannya adalah sesiapa yang berhati-hati dalam tutur katanya serta bertanggungjawab terhadap setiap perkataan yang diucapkan. Ini termasuklah janji yang diungkapkan, yang wajib ditunaikan dan tidak boleh dimungkiri, kerana memungkiri janji merupakan salah satu sifat orang munafik.

14



Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah <i>Radiallahuanhu</i> bahawa Nabi SAW telah bersabda: آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ ، إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ.	15
<i>“Tanda-tanda munafik itu ada tiga; apabila berkata-kata, dia dusta, apabila berjanji, dia mungkir dan apabila diberi amanah, dia khianat.”</i> <i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</i>	16
Adab berbicara menuntut kita agar tidak terlibat dalam pertengkaran dan perdebatan yang tidak mendatangkan manfaat, meskipun kita berada di pihak yang benar. Ini kerana perdebatan yang berlebihan hanya akan menimbulkan permusuhan yang tidak berkesudahan. Oleh itu, apabila ada pihak yang membantah atau mengemukakan kritikan dengan hujah dan fakta yang benar, maka hendaklah kita menerima kebenaran tersebut dengan lapang dada, kerana kebenaran itu lebih berhak untuk diikuti dan diterima.	17
Bagaimanapun, jika bantahan yang dikemukakan itu jelas bersifat batil, maka ia sebaiknya tidak dilayan, bagi mengelakkan perdebatan yang tidak membawa sebarang faedah. Ini kerana perdebatan sebegini berpunca daripada kejahilan dan kekeliruan seseorang. Oleh itu, Allah SWT mengajar kita agar tidak melayani orang jahil yang berkeras dengan kejahilannya.	18
segaimana firman-Nya dalam Surah al-A'raf ayat 199: خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ.	19



<i>“Jadilah kamu orang yang pemaaf dan suruhlah mereka melakukan yang makruf serta berpalinglah daripada (jangan dihiraukan) orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya).”</i>	20
Para ulama telah menghuraikan pelbagai jenis penyakit lidah seperti dusta, fitnah, umpatan dan kata-kata yang menyakiti orang lain. Namun pada hari ini, segala keburukan yang dahulu tersebar melalui lidah mampu disebar dalam sekelip mata melalui telefon pintar dan media sosial. Apa yang ditaip oleh jari mampu dibaca oleh ribuan manusia, bahkan kekal tersebar walaupun penulisnya telah tiada.	21
Perkara ini mengingatkan kita kepada firman Allah SWT dalam Surah Yasin ayat 65 yang bermaksud: <i>“Pada waktu itu, Kami mengunci mati mulut mereka dan tangan mereka memberitahu Kami apa-apa yang telah mereka lakukan dan kaki mereka pula akan menjadi saksi terhadap apa-apa yang telah diusahakan (dilakukan) mereka.”</i>	22
Ayat ini memberikan satu refleksi mendalam buat kita semua. Setiap tulisan, komen, perkongsian dan hantaran yang dilakukan oleh tangan kita akan menjadi saksi di hadapan Allah SWT. Tangan yang digunakan untuk menaip perkara fitnah, menyebarkan berita palsu, mencaci, menghina dan mengaibkan orang lain tidak akan mampu bersembunyi daripada pengadilan Allah SWT.	23



Justeru itu, sebelum kita menekan butang “kongsi”, “hantar” atau “siar”, tanyakanlah dahulu kepada diri sendiri: Adakah perkara ini benar? Adakah ia membawa manfaat? Adakah Allah SWT reda dengan tindakan ini? Jika jawapannya tidak pasti, maka diam dan tidak menyebarkannya adalah lebih selamat bagi agama dan maruah kita.

24

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan pedoman dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam diharap dapat membuktikan keimanan kepada Allah SWT dan Hari Akhirat dengan sentiasa berhati-hati dalam berbicara serta mengelakkan diri daripada mengucapkan kata-kata yang boleh membawa kepada dosa dan fitnah.
2. Umat Islam hendaklah memelihara lisan dengan hanya menuturkan perkara yang benar dan bermanfaat serta mengelakkan diri daripada memperkatakan sesuatu tanpa ilmu dan kepastian.
3. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa setiap perkataan dan tindak-tanduk akan dipertanggungjawab di hadapan Allah SWT.

25

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا. يُصْلِحْ لَكُمْ
أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ
فَوْزًا عَظِيمًا.

26



“Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang tepat lagi benar (dalam segala perkara)! Supaya Dia (Allah) mengislahkan amalan kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka dia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.”

(Surah al-Ahzab: 70-71).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. ²
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
7	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَاجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

² Al-Ahzab: 56.



8	اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
10	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
11	وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْثُ كُوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
12	اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
13	Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuamhum</i> , seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali..



Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	14
Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	15
Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	16
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.³	17
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁴	18
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	19